

Enam syarikat derma kepada TAPPN

BH 26 APR 2001

KUALA LUMPUR, Selasa -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menerima sumbangan untuk Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) pada majlis persembahan Mu-zikal Mesra Rakyat anjuran Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini.

Antara syarikat yang menderma ialah Sapura Holding Sdn Bhd, Phileo Allied Bank, Sunway Holdings Incorporated Bhd, DRB Hicom Bhd, Talam Corporations dan Berjaya Group Bhd.

Sumbangan yang terkumpul setakat ini berjumlah RM2.638 juta. TAPPN diuruskan jawatan-kuasa yang dipengerusikan Dr Mahathir sendiri.

Tabung yang ditubuhkan pada 1984 itu bertujuan memberi bantuan kepada anggota angkatan tentera Malaysia, PDRM dan orang awam yang tercedera ketika menjalankan tugas berkaitan keselamatan negara serta membantu balu dan anak anggota pasukan keselamatan yang terbabit.

Amanah Raya Malaysia Berhad adalah pemegang amanah tabung berkenaan.

Berucap pada majlis itu Ketua Polis Negara Tan Sri Nori-an Mai berkata kerajaan prihatin terhadap sumbangan dan jasa polis di negara ini.

Menurutnya sejak tabung itu ditubuhkan 16 tahun lalu, ia memberikan sumbangan RM20 juta kepada mereka yang ber-

korban untuk negara.

"Kini tabung itu hanyamempunyai baki yang kecil," katanya.

Turut hadir isteri Perdana

Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Majlis yang berlangsung di Dewan Perdana Maktab Pegawai Kanan PDRM di Cheras

turut diserikan dengan persembahan artis popular tanah air seperti Datuk Ahmad Nawab, Yusni Hamid, Ramlah Ram dan Ella.